

25 OCT 2000

Arab Saudi-Derma

YAYASAN ARAB SAUDI SUMBANG RM7.6 JUTA KEPADA UIAM

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Yayasan Kebajikan Putera Sultan Abdul Aziz menyumbang AS\$2 juta (RM7.6 juta) kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

"AS\$1 juta adalah untuk tabung pelajar dan AS\$1 juta lagi untuk universiti," kata Timbalan Menteri Kedua Arab Saudi Putera Sultan Abdul Aziz Al-Saud dalam ucapan penerimaan selepas dianugerahi ijazah doktor kehormat dalam sains politik daripada universiti itu.

Ketua Perlembagaan UIAM Sultan Ahmad Shah dari Pahang, menganugerahkan Putera Sultan Abdul Aziz, 70, ijazah kehormat itu pada majlis konvokesyen khas di sini hari ini.

Yayasan itu diwujudkan oleh Putera Sultan Abdul Aziz, anak almarhum Raja Abdul Aziz Al Saud, pengasas kerajaan Arab Saudi, pada tahun 1995 bagi menyediakan perkhidmatan sosial dan kesihatan kepada dunia Islam.

Putera Sultan Abdul Aziz Al Saud tiba di sini semalam untuk lawatan lapan hari ke Malaysia.

Putera Sultan Abdul Aziz, yang juga Menteri Penerbangan dan Pertahanan, diiringi 164 anggota delegasi termasuk empat putera dan tiga menteri.

Lawatan beliau ke sini adalah atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semasa di sini, mereka akan membincangkan beberapa isu terutama berkaitan dengan keamanan di Asia Barat dan konflik Palestin-Israel.

Sultan Ahmad Shah dalam ucapannya berharap penganugerahan itu tidak hanya sebagai memperakui pelbagai sumbangan Putera Sultan Abdul Aziz malah sebagai satu simbol persaudaraan dan hubungan persahabatan antara Malaysia dan Arab Saudi.

Kerajaan Malaysia menubuhkan UIAM pada 1983 dan ditaja bersama oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan beberapa negara Islam.

Universiti itu mempunyai tiga kampus iaitu di Gombak di sini, Kuantan dan Petaling Jaya.

Pada masa ini, UIAM mempunyai 8,689 penuntut peringkat ijazah dan 1,416 penuntut lepasan ijazah termasuk 1,434 penuntut antarabangsa dari 92 buah negara.

-- BERNAMA

NY AHH LAT